

21/08/2000

Mulut tempayan dan mulut laser

Mior Kamarul Shahid

MINGGU lalu, banyak peristiwa yang berlaku. Pemimpin Palestin, Yasser Arafat, tiba-tiba muncul di negara ini, begitu juga dengan Nelson Mandela dari Afrika Selatan dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew. Pada masa sama, isu hak keistimewaan Melayu bergegar semula yang diselangselikan pula dengan isu peletakan jawatan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, hinggalah kepada pelantikan Menteri Besar yang baru, Dr Mohamad Khir Toyo.

Pelantikan Menteri Besar Selangor sudah selesai. Hanya menunggu beliau mengangkat sumpah untuk memegang jawatan dan seterusnya menerajui Selangor. Soal sejuk atau panas kerusi Menteri Besar tidak timbul kerana ia banyak bergantung kepada individu yang diberi tugas menjawat jawatan itu.

Dari luar, seolah-olah nampak sukar juga pemimpin Umno bagi memilih tokoh yang sesuai untuk menjawat jawatan itu. Ia mungkin terbahagi kepada dua faktor - sama ada terlalu ramai yang layak atau terlalu ramai yang tidak layak. Jika terlalu ramai yang layak, ia mungkin sukar. Tetapi, jika lebih ramai yang tidak layak daripada yang layak, pemilihan begitu mudah dibuat.

Apa yang jelas, begitu banyak nama dikemukakan untuk jawatan itu. Sebenarnya, bagi pemimpin Umno, ia bukanlah satu keputusan yang sukar. Kriteria pemilihan adalah jelas. Jika seseorang itu bersih, cekap dan amanah, markahnya akan meningkat. Ini tentulah disertai dengan kriteria lain seperti kuat bekerja, hubungannya dengan rakyat, mempunyai idea untuk membangunkan negeri dan sebagainya. Bagi mereka yang mempunyai masalah moral dan peribadi, walau kecil sekali pun, markah mereka ditolak. Semua ini penting kerana dalam apa juga pemilihan untuk menerajui parti dan kerajaan, mereka perlu memenuhi pengharapan rakyat yang begitu tinggi. Dalam Umno, satu lagi kriteria yang diambil kira dalam pemilihan pemimpin ialah pembabitannya individu dalam politik wang. Mana-mana pemimpin yang didapati menang dalam apa-apa pertandingan parti menggunakan wang, dianggap tidak layak untuk diberi tempat yang tinggi dalam kerajaan. Walau berkaliber sekali pun, tetapi menggunakan wang untuk membeli undi, mereka tidak boleh dilantik bagi mana-mana jawatan tinggi dalam kerajaan. Dulu lagi, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah mengingatkan perkara ini. Rasanya, dalam pemilihan Menteri Besar Selangor, pertimbangan mengenai perkara itu turut diambil kira. Mereka yang terbabit dalam politik wang begitu mudah dikesan kerana bukan mudah untuk menutup mulut tempayan. Walau bagaimana licik sekali pun, pasti ada orang yang membuka mulut. Apatah lagi dalam politik, kawan dan lawan sukar dikenal pasti.

Mulut tempayan satu hal, tapi mulut laser orang yang bercakap mengenai hak keistimewaan orang Melayu, satu hal juga. Siapakah mereka di belakang Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina (Suqiu)? Kita tidak nampak nama besar di belakang jawatankuasa itu. Mereka bukan mewakili masyarakat Cina di negara ini. Jadi, jawatankuasa ini tidak boleh dianggap golongan yang berwibawa. Alangkah malunya jika akibat cakap-cakap golongan kecil ini, menyebabkan perpaduan negara terganggu. Melayani mereka, samalah melayan kerenah anak-anak kecil yang masih berhingus.

Pergerakan Pemuda Umno mungkin melihat dari perspektif bahawa tidak ada mana-mana golongan, walau sekecil mana pun sekali status mereka, cuba mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu. Jika ada, mereka perlu ditentang habis-habisan. Cuma, mereka juga perlu menyiasat latar belakang

kumpulan itu. Mereka boleh membelasah Suqiu tetapi jangan babitkan keseluruhan rakyat Cina yang akur dengan Perlembagaan Negara. Apa yang cuba dielakkan, perkara kecil seperti ini tidak seharusnya dibiarkan merebak menjadi besar. Dalam senario politik hari ini, perpaduan kaum amat penting. Jika isu perkauman disemarakkan, ia tidak membawa apa-apa kebaikan. Ada pihak yang menunggu saat-saat perpecahan ini kerana inilah peluang mereka untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara ini. Ini adalah satu hakikat politik yang perlu diterima hari ini.

Lihat sajalah sikap parti pembangkang, mereka akan mengambil apa juga kesempatan yang boleh memberi keuntungan politik kepada mereka. Mereka boleh berbuat demikian kerana kekacauan bermakna kemenangan politik bagi mereka. Jika boleh mereka mahu keadaan negara terus tegang, bagi memudahkan mereka mengapi-apikan keadaan. Jadi bagi mana-mana pihak yang sayangkan perpaduan negara, lebih berhati-hatilah jika bertindak. Janganlah kerana mahu mendapat perhatian, mengeluarkan kata-kata yang boleh menyinggung perasaan kaum lain. Jika sedar orang Melayu mudah tersinggung, elakkanlah membangkitkan isu yang boleh menimbulkan kemarahan mereka.

(END)